

02/09/2003

1,980 warga asing minat Malaysia Rumah Kedua Ku

KUALA LUMPUR: Program Malaysia Rumah Kedua Ku yang dilancarkan November lalu, mendapat sambutan menggalakkan dari warga asing yang mahu tinggal di negara ini untuk tempoh satu hingga dua tahun.

Sehingga awal bulan ini, 1,980 warga asing memohon untuk menyertai program itu, berbanding 300 pada November lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Jamal Kamdi, berkata pihaknya menjangka menerima kira-kira 900 pemohon setiap tahun.

Program itu cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas kejayaan negara memperkenalkan program Silver Hair untuk warga asing yang sudah bersara, iaitu berumur 50 tahun ke atas. Program Malaysia Rumah Kedua Ku bagaimanapun dibuka untuk semua golongan tanpa mengira umur.

Jamal berkata, program itu dapat menjana ekonomi melalui perbelanjaan peserta terbabit selama tinggal di negara ini, selain pemilikan harta melalui pembelian rumah dan hartanah bernilai RM250,000 ke atas.

"Peserta program ini tidak dibenarkan bekerja. Orang muda yang bersara awal menjadi sasaran kita kerana mereka akan membeli rumah di negara ini apabila menyertai program kita. Mereka ini juga akan keluar masuk ke negara ini dan mengeluarkan wang ketika tinggal di sini," katanya dalam temu bual dengan laman web Bahagian Keselamatan Negara 'Buletin Malaysia' pada 21 Ogos lalu.

Program Malaysia Rumah Kedua Ku dikendalikan Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Jamal menjelaskan program itu bukan bertujuan membuka pintu kepada warga asing menjadi penduduk tetap (PR) atau warga negara ini.

Katanya, Malaysia sudah ada dasar mengenai PR dan status warga negara dikawal KDN serta terletak dalam bidang kuasa Menteri.

Beliau berkata, jawatankuasa khas juga ditubuhkan untuk memantau program berkenaan manakala latar belakang pemohon disiasat sebelum sebarang kelulusan diberikan.

"Pertama, kita menyemak dari segi keselamatan dengan pihak Cawangan Khas. Kedua, kita lihat sama ada pemohon sudah kahwin atau tidak. Kita juga akan hadkan tempoh mereka berada di negara ini iaitu antara satu hingga dua tahun bergantung kepada tarikh tamat tempoh pasport peserta.

"Kita juga ada unit khas bagi menguruskan pas kemasukan ke negara ini. Unit itu akan semak maklumat ahli keluarga yang menyertai program ini bagi memastikan mereka tidak ada rekod jenayah manakala satu jawatankuasa pemantau pula bertanggungjawab mendapat maklum balas daripada orang ramai mengenai kegiatan orang asing ini," katanya.